



LIPUTAN KHAS

SPECIAL COVERAGE

KOTA KINABALU (Bernama) -- Sejarah dunia kewartawanan di Sabah, negeri yang dikenali sebagai Borneo Utara suatu ketika dulu, bermula dengan akhbar British North Borneo Herald and Official Gazette (1883-1941) dan kemudian North Borneo News (NBN) pada 1948, yang diterbitkan secara dwibulanan di Sandakan, sebuah pekan di pantai timur Sabah. Dalam edisi 1 Sept 1948, NBN menyiarkan berita

akhbar itu menyiarkan cerita ringkas tentang seorang peribumi bertaraf legenda dari Papar, manakala dalam satu lagi halaman, ia memaparkan berita tentang pertandingan membaca al-Quran di Jesselton. Pada 1954, The North Borneo News bergabung dengan The Sabah Times dan dikenali sebagai North Borneo News dan Sabah Times. Siaran radio di Sabah pula bermula pada 1939 dan perkhidmatan itu menyiarkan

Sabah pertama apabila Borneo Utara atau Sabah mencapai kemerdekaan daripada United Kingdom. Warga media di Sabah mendapat satu lagi wadah untuk memuatkan laporan mereka apabila Daily Express ditubuhkan pada 1 Mac, 1963. Ia merupakan sebuah akhbar di bawah naungan Overseas Chinese Daily News (OCDN), yang diasaskan Tan Sri Yeh Pao Tzu. Akhbar harian berbahasa Cina OCDN

SELAYANG PANDANG SEJARAH MEDIA SABAH OLEH EMIN MADI



GAMBAR FAIL

utama berkaitan kajian semula pelan penyusunan semula dan pembangunan Borneo Utara dalam bidang penerbangan, khususnya melibatkan lapangan terbang di Labuan, Jesselton dan Sandakan. Tabloid 26 muka surat itu melaporkan bahawa lapangan terbang sedia ada di Jesselton (kini Kota Kinabalu), ibu negeri Sabah, terjejas teruk akibat serangan bom semasa pendudukan Jepun. Dalam edisi sama,

ulasan dalam bahasa Inggeris tentang lumba kuda di Jesselton, yang dipancarkan ke Sandakan melalui radio-telegraph. Pada 9 Nov 1955, Radio Sabah Service dilancarkan secara rasmi oleh Gabenor Borneo Utara Sir Roland Turnbull. Sabah Times pula diasaskan bekas petugas NBN, Donald Stephens. Stephens (kemudian dikenali sebagai Tun Muhammad Fuad Stephens), menjadi Ketua Menteri

pula lahir pada 1949. Menurut rekod, dua lagi akhbar berbahasa Cina, Api Siang Pao dan Kinabalu Observer Evening News, ditubuhkan pada 1960. Semasa ketiadaan siaran televisyen di Sabah sehinggalah RTM Sabah dilancarkan pada 28 Dis 1971, media cetak merupakan satu-satunya sumber penyebaran maklumat di negeri ini yang menghidangkan pelbagai jenis berita, terutama berkaitan politik,



GAMBAR FAIL

sukan dan budaya. Menurut laporan, pilihan raya pertama Dewan Undangan Negeri Sabah pada April 1967, yang menyaksikan 193,712 pemilih keluar mengundi bagi memilih wakil untuk 32 kerusi, memakan masa selama hampir tiga minggu. Ini kerana, kemudahan komunikasi di Sabah serba kekurangan ketika itu, manakala taburan kawasan kediaman penduduk pula jauh antara satu dengan lain.

Menurut bancian penduduk yang terkandung dalam North Borneo Report, jumlah penduduk wilayah jajahan Britain itu setakat Ogos 1960 ialah 456,331 orang. Jumlah penduduk Sabah sekarang ialah 3.8 juta.

Media massa memainkan peranan yang sangat penting di Sabah pada era sebelum Merdeka, terutama semasa pilihan raya umum apabila wartawan bukan sahaja membuat liputan tentang kempen, tetapi juga menyalurkan maklumat yang tidak berat sebelah kepada orang ramai.

Akhbar tempatan juga memainkan peranan penting dalam memupuk perpaduan dan identiti nasional, di



GAMBAR FAIL

samping mendorong rakyat untuk mencapai kemajuan sosioekonomi. Ringkasnya, rakyat Malaysia di Sabah bergantung kepada media massa sebagai medium untuk mengetahui perkembangan terkini tentang politik, sukan, budaya dan sosioekonomi di negara ini. Media Sabah juga memberi sumbangan berkesan melalui kewartawanan alam sekitar, terutama dalam membantu kerajaan mewujudkan kesedaran orang ramai tentang kepentingan memulihara hutan dan melindungi hidupan liar. Baru-baru ini, Kan Yaw Chong, wartawan veteran Sabah yang bertugas dengan The

Daily Express, memenangi Anugerah Kewartawanan Alam Sekitar Bunga Raya Perdana Menteri, yang merupakan anugerah kewartawanan nasional tertinggi berkaitan alam sekitar.

Walaupun berdepan dengan pelbagai cabaran yang wujud berikutan kemunculan media sosial, media arus perdana akan terus menjadi alat berkesan dalam menyalurkan laporan secara adil dan tepat kepada orang ramai.

-- BERNAMA